

## KONVENSYEN FALAK NEGERI PAHANG 2008

### 1. TUJUAN

- 1.1 Konvensyen Falak Pahang 2008 merupakan program pertama peringkat negeri yang akan dianjurkan oleh Jabatan Mufti Negeri Pahang dengan kerjasama Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS). Ia melibatkan ahli-ahli falak, ahli-ahli akademik, ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai kerajaan, institusi-institusi agama dan penuntut-penuntut IPTA/IPTS di Negeri Pahang.
- 1.2 Matlamat utama konvensyen ini diadakan adalah untuk menghidupkan kembali kegemilangan ilmu fardhu kifayah ini yang mempunyai perkaitan yang amat berkait rapat dengan aktiviti seharian dan amal ibadat umat Islam.
- 1.3 Tema yang dipilih untuk konvensyen falak kali ini ialah ***“Pendidikan Dan Perkembangan Ilmu Falak”***. Ini kerana, buat julung kalinya konvensyen ini, memfokuskan golongan pendidik dan pendakwah yang terdiri daripada pensyarah, guru dan imam serta golongan pelajar di IPT sebagai kumpulan sasaran untuk mengenali ilmu falak dengan lebih dekat.
- 1.4 Konvensyen ini bukan sahaja diisi dengan pembentangan kertas kerja tetapi juga memaparkan penggunaan teknologi moden sebagai mekanisme dalam pengukuran dan pengiraan waktu solat, arah qiblat, taqwim/kenampakan jasad-jasad samawi sebagai rujukan ditambah pula dengan aktiviti cerapan cakerawala jasad-jasad di langit dan pameran. Kaedah-kaedah ini perlu didedahkan secara meluas untuk mengajak masyarakat khususnya jgenerasi muda mendalami ilmu ini.
- 1.5 Usaha menyebarkan ilmu ini diharap mampu melahirkan generasi yang celik terhadap keilmuan ini serta mampu menghayati keistimewaan ilmu falak itu sendiri. Di samping itu, konvensyen ini akan dapat mewujudkan minat yang mendalam dan kefahaman yang jelas kepada isu-isu berkaitan yang berlaku masa kini dan seterusnya dapat menghayati kegemilangan ilmu falak sebagaimana yang pernah tercatat dalam sejarah ketamadunan dunia Islam suatu masa dahulu.

### 2. RASIONAL KONVENSYEN

- 2.1 Seajar dengan usaha untuk menjadikan Pahang sebuah negeri maju dalam bidang pendidikan, keunggulan ilmu falak/Astronomi tidak harus dipinggirkan malah perlu diberikan keutaman dan pendedahan secara

menyeluruh ke masyarakat Islam agar ia seiringan dengan kecanggihan dan kemajuan teknologi masa kini.

- 2.2 Konvensyen ini juga akan menjadi titik tolak serta pendedahan kepada masyarakat bagi mendapatkan penjelasan berhubung Ilmu Falak/Astronomi serta kekeliruan semasa yang berlaku berkaitan isu-isu penentuan puasa, Hari Raya Aidilfitri, Aidiladha, arah qiblat, waktu solat dan lain-lain isu agama yang berkaitan.
- 2.3 Jabatan Mufti Negeri Pahang akan menjadikan konvensyen ini sebagai program tahunan untuk menarik orang ramai menyertai aktiviti-aktiviti falak seperti cerapan anak bulan, cerapan matahari, cerapan langit malam, pameran, seminar, dan di samping menghayati keagungan 'Yang Maha Pencipta'.

### **3. OBJEKTIF**

Konvensyen Falak ini mempunyai enam objektif utama iaitu:

- 3.1 Mempertingkatkan kefahaman masyarakat tentang kepentingan ilmu Falak/Astronomi yang berkait rapat dengan ibadat umat Islam sebagai satu ilmu yang perlu dipelajari setiap individu.
- 3.2 Memberi pendedahan kepada masyarakat terhadap kegemilangan ilmu Falak dalam ketamadunan alam Melayu dan zaman kegemilangan sejarah Islam terdahulu.
- 3.3 Menerapkan nilai-nilai murni dalam diri dengan memerhati dan menghayati kebesaran Allah Taala melalui cerapan jasad-jasad samawi, pameran, seminar dan bengkel falak.
- 3.4 Menjelaskan isu-isu semasa berkaitan dengan Falak Syarie seperti penentuan dan penetapan tarikh kebesaran umat Islam, hisab waktu solat, penentuan arah kiblat dan lain-lain.
- 3.5 Menjalinkan hubungan di antara ahli-ahli falak tradisional dengan ahli-ahli falak moden iaitu pengamal instrument teknologi masa kini samaada amatur mahupun profesional.
- 3.6 Mendedahkan kepada masyarakat khususnya di negeri Pahang berkaitan dengan penggunaan peralatan saintifik Falak/Astronomi serta kecanggihan teknologi sistem satelit/aeroangkasa masa kini.

#### 4. TARIKH DAN TEMPAT KONVENSYEN

Tarikh : 22 – 23 Disember 2008  
Tempat : Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS)  
Perasmian oleh : **KDYTM Tengku Mahkota Pahang**

#### 5. PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

##### **Kertas Kerja 1**

Tajuk : *Mengelintar Budaya Intelek Ilmuan Falak Alam Melayu*  
Pembentang : Dr Baharudin bin Zainal  
Sekolah Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Darul Iman Terengganu (UDM)

##### **Kertas Kerja 2**

Tajuk : Pendidikan Dan Penyelidikan Sains Angkasa Dalam Konteks Sains Dan Islam  
Pembentang : Prof. Dr Mohd Zambri bin Zainuddin  
Jabatan Fizik Fakulti Sains,  
Universiti Malaya

##### **Kertas Kerja 3**

Tajuk : Kepentingan Ilmu Falak di Sekolah Menengah Dan IPT  
Pembentang : Dr Mohamarowi bin Omar  
Doktor Perubatan, HUSM  
Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan

##### **Kertas Kerja 4**

Tajuk : Kaedah Penetapan Awal Ramadhan dan Hari Raya  
Pembentang : Dr Azhari bin Mohamed  
Pengarah Ukur Bahagian Geodesi,  
JUPEM, Kuala Lumpur

## **Kertas Kerja 5**

Tajuk : Keperluan Takwim Qamari Dalam Ibadah Khusus

Pembentang : Tuan Haji Hanafiah bin Abdul Razak  
Bahagian Falak,  
Jabatan Mufti Negeri Johor

### **6. PROGRAM "TALK SHOW" DAN CERAPAN LANGIT**

Tarikh : 22/12/2008 – 8.00 malam

Tempat : Masjid KIPSAS

Penyampai : Shahrin Bin Haji Ahmad  
Falak On-line  
**(terbuka kepada awam)**

### **7. PAMERAN FALAK**

Tarikh : 22-23/12/2008

Tempat : Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS)  
**(terbuka kepada awam)**